

Limpahan bah disalur ke laut

Oleh Mohd Roji Abdullah

BATU PAHAT: Kerajaan Johor mengkaji langkah untuk menyambung saliran air daripada beberapa sungai di Batu Pahat ke sungai lain yang mempunyai laluan ke Selat Melaka bagi membolehkan air berlebihan mengalir terus ke laut.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata ketika ini hanya Sungai Batu Pahat yang mengalir terus ke Selat Melaka, menyebabkan aliran air keluar akibat limpahan dari beberapa sungai antaranya Sungai Sembrong, Sungai Simpang Kanan dan Sungai Bekok, agak perlahan.

Beliau berkata, kajian sedang dijalankan untuk menyambung saliran daripada tiga sungai terbabit ke Sungai Senggarang bagi membantu mempercepatkan aliran air keluar ke laut yang kini hanya bergantung kepada Sungai Batu Pahat.

“Kita sudah mengenalpasti satu laluan baru iaitu Sungai Senggarang sebagai laluan air untuk terus mengalir ke Selat Melaka selain dari Sungai Batu Pahat.

“Laluan air dari tiga sungai lain akan disambungkan ke Sungai Senggarang dan kita percaya ini akan mempercepatkan aliran air berlebihan,” katanya



BUANG AIR: Abdul Ghani meninjau kerja mengepam air di muara Sungai Senggarang, Batu Pahat, semalam.

selepas meninjau kerja mengepam air keluar ke Sungai Batu Pahat di Peserai, di sini, semalam.

Tujuh mesin pengepam berkuasa tinggi dengan lima daripadanya diletakkan di Senggarang dan dua di Peserai digunakan untuk mengepam air terus ke Selat Melaka.

Abdul Ghani, berkata kerja mengepam terpaksa dilakukan bagi mempercepatkan aliran air keluar daripada kampung dan kebun ke sungai Batu Pahat dan terus mengalir

ke Selat Melaka.

“Kita akan menambah dua lagi mesin pengepam sebelum ini digunakan di Kota Tinggi bagi membantu mengepam air di Batu Pahat ini.

“Dengan pam ini kita boleh terus mengalirkan air keluar dari kawasan kampung tanpa menunggu air sungai surut,” katanya.

Abdul Ghani berkata, kajian juga sedang dijalankan untuk melaksanakan beberapa projek bagi mengatasi banjir antaranya menambah keda-

lahan sungai dan parit, meluruskan sungai, menaikkan benteng dan menambah kapasiti empangan.

Katanya, kerajaan negeri sudah menilai peruntukan kira-kira RM200 juta untuk melaksanakan projek itu ketika banjir pertama bulan lalu.

“Kita terpaksa membuat kajian terperinci yang dijangka siap dalam tempoh lima bulan bagi membolehkan kita melaksanakan projek untuk memastikan masalah banjir dapat diatasi pada masa depan,” katanya.